

## **Kakitangan kerajaan ada anak positif Covid-19 layak dapat cuti**

Noor Afiqah Sulaiman  
am@hmetro.com.my

Putrajaya: Kakitangan kerajaan yang mempunyai anak dijangkiti penyakit berjangkit termasuk Covid-19 layak mendapat cuti menerusi Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan, berkuat kuasa Jumaat lalu.

Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan adalah pindaan daripada Kemudahan Cuti Kuarantin yang dilaksanakan sejak 1 Januari 2017.

Dalam satu surat edaran oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah kepada semua ketua jabatan memaklumkan, menerusi pindaan itu pegawai kerajaan boleh mendapatkan cuti maksimum selama lima hari bagi setiap kes atau selama tempoh perakuan yang diberikan oleh mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta.

"Atau mengikut mana yang lebih rendah dengan pindaan termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.

"Bagi pegawai yang memerlukan tempoh tambahan boleh memohon Cuti Rehat atau Cuti Rehat Khas atau cuti lain yang berkecualan.

"Selain itu apabila keadaan pegawai itu mengizinkan dan berupaya melaksanakan tugas di rumah, Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan Bekerja Dari Rumah (BDR)," katanya menerusi surat edaran berkenaan yang dikeluarkan Jumaat lalu.

Bagaimanapun, cuti berkenaan hanya layak diberikan kepada kakitangan berkenaan sekiranya anaknya mendapat perakuan mengenai penyakit berjangkit itu daripada Pegawai Perubatan Kerajaan mahupun swasta untuk dikuarantin atau diasingkan.

Sementara itu, menerusi cerai surat edaran berkenaan, ia memaklumkan syarat anak yang dikuarantin itu mestilah berumur 18 tahun ke bawah dan jika masih belajar adalah di bawah 21 tahun.

Selain itu, Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan juga layak diberikan kepada pegawai yang mempunyai anak yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan yang tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri tidak mengira umur.

Namun dengan syarat anak itu adalah cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal sebelum anak itu mencapai umur 21 tahun.